

Ahli KESUMBA disaran lebih aktif terlibat program UMS

UB 04.07.2022 P.08

KOTA KINABALU: Semua ahli Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (KESUMBA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran untuk terus melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti anjuran UMS dan pihak luar.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, para ahli disaran supaya terlibat aktif dalam memperkukuhkan kebolehpasaran graduan UMS melalui pengukuhan agenda keusahawanan selari dengan intipati amanat Menteri Pengajian Tinggi bagi 2022.

Katanya, KESUMBA boleh melaksanakan program pembangunan keusahawanan graduan wanita sebagaimana pelaksanaan program "Women Entrepreneurship (WE) Innovate" di Imperial College London.

"Sebagai Penasihat kelab ini, saya akan terus memberi sokongan yang padu dan tidak berbelah bahagi. Saya berharap agar KESUMBA akan bergerak maju ke hadapan sejajar dengan motto KESUMBA iaitu 'Maju



KENANGAN: Taufiq (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama ahli-ahli KESUMBA.

Sehati' yang bermaksud usaha sehati menuju ke arah kemajuan.

"Sentiasalah bersatu hati, mencapai persefahaman yang baik sesama ahli, bekerjasama,

sayang-menyayangi dan memelihara kesejahteraan sesama ahli.

"Saya juga berharap agar KESUMBA akan sentiasa berusaha membantu mem-

perkasakan ahli dan kaum wanita di UMS serta meningkatkan imej demi menjaga nama baik UMS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesy-

uarat Agung Tahunan (MAT) KESUMBA kali ke-25 di sini kelmarin.

Selain itu Taufiq juga menyarankan agar KESUMBA menjadikan sambutan Hari

Wanita sebagai aktiviti tahunan bagi menghargai peranan wanita khususnya kakitangan wanita di UMS.

Sementara itu, Yang Dipertua KESUMBA Datin Dr.

Amalina Abdullah berkata, sepanjang tahun lalu, KESUMBA berjaya melaksanakan sebanyak 50 aktiviti.

Aktiviti yang dijalankan merangkumi aspek kesihatan mental dan fizikal, kerohanian, pengurusan kewangan, pengurusan keluarga, integriti, program kebajikan dan kemasyarakatan serta jalinan mesra di antara KESUMBA dan persatuan Wanita Universiti Awam.

"KESUMBA juga mewujudkan Anjung Infak RAHMAH UMS (Food Bank dan Free Market) yang terletak di Pusat Islam. Pewujudan anjung ini adalah dengan kerjasama Pusat Islam UMS," katanya.

Pada MAT tahun ini, KESUMBA menerima tambahan seramai 66 orang ahli baharu, menjadikan jumlah terkini ahli seramai 578 orang.

Pencarian ahli baharu kelab itu dijalankan melalui program 'Cabaran Mencari Ahli Baharu KESUMBA' yang dilaksanakan bermula bulan April sehingga 30 Jun

2022.